

## FPSK Anjur Majlis Penghargaan Profesor Adjung

Terakhir dikemaskini: Selasa, 25 September 2018 16:39 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 164

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

**SELASA, 25 SEPTEMBER** - Seramai 13 Profesor Adjung Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) diraikan dalam satu Majlis Makan Malam Penghargaan dan sesi penyerahan surat pelantikan Profesor Adjung baharu di salah sebuah hotel terkemuka di Kota Kinabalu baru-baru ini.

Berucap pada majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Dr. Shahril Yusof berkata, pihak universiti berterima kasih atas kesudian kesemua 13 Profesor Adjung FPSK menerima pelantikan itu.

“Terima kasih juga kerana sudi menyumbang ilmu dan kepakaran dalam bidang masing-masing kepada universiti ini,” katanya yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin.

Sementara itu, Dekan FPSK, Prof. Dr. Saffree Jeffree berkata, majlis itu diadakan bertujuan menghargai jasa dan bakti Profesor Adjung FPSK dan seterusnya menyerahkan surat pelantikan kepada Profesor Adjung baharu Fakulti.

Antara senarai Profesor Adjung FPSK termasuklah Prof. Adjung Datuk Dr. Christina Rundi, Prof. Adjung Datuk Dr. Ajaz Ahmad Nabijan dan Prof. Adjung Dato’ Dr. Raman Muthukarupan.

Turut hadir pada majlis itu wakil Pendaftar UMS, Samsuidin Nuridin; Ketua Pegawai Eksekutif HUMS Prof. Madya Dr. Helen Lasimbang; Timbalan Dekan Akademik dan Pengantarabangsaan FPSK, Dr. Fairrul Kadir; Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pascasiswazah FPSK, Dr. Mohd. Firdaus Mohd. Hayati; Timbalan Dekan Hal-Ehwal Pelajar dan Jaringan Komuniti, Prof. Dr. Kew Seih Teck; dan Timbalan Pendaftar FPSK, Hasmi Hashim.